

## **FILEM MAT KILAU: SATU ANALISIS STANDARD FILEM PATUH SYARIAH**

**MUHAMAD ISMAIL BIN ABDULLAH & ROSLI MOKHTAR**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

E-mel: [muhamadismail@kuis.edu.my](mailto:muhamadismail@kuis.edu.my) & [rosli@kuis.edu.my](mailto:rosli@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Filem Mat Kilau, Kebangkitan Pahlawan telah mencetuskan fenomena luar biasa dalam industri perfileman tanahair. Filem yang diinspirasikan daripada kisah perjuangan pahlawan Melayu ini telah merekodkan jumlah kutipan hampir RM100 juta. Filem ini telah mendapat liputan meluas sama ada dalam kalangan penggiat industri mahupun pengkritik filem. Ada pihak yang melabelkan naskhah ini sebagai filem yang melangkaui elemen sejarah yang sarat dengan nilai-nilai Islam sehingga layak diangkat sebagai filem islamik. Justeru kajian ini cuba untuk melihat sejauhmana filem ini memenuhi standard filem islamik atau lebih tepat lagi sebagai filem patuh syariah yang boleh ditonton oleh semua lapisan umur dan masyarakat. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis isi kandungan. Data filem dikutip menggunakan borang pengkodan dan borang penilaian makna menggunakan analisis tema dan analisis naratif. Seterusnya dapatan ini dipadankan dengan standard kriteria filem patuh syariah yang sedia ada. Hasil kajian mendapati bahawa filem ini menepati standard kriteria filem patuh syariah.

*Kata kunci:* Filem, Islamik, Mat Kilau, Patuh Syariah

### **PENDAHULUAN**

Bidang perfileman merupakan salah satu cabang industri kreatif yang sangat popular. Semenjak penerbitan filem pertama pada tahun 1933, industri perfileman di Malaysia semakin berkembang. Sehingga ke hari ini banyak filem-filem cereka tempatan dihasilkan saban tahun dalam pelbagai genre seperti cinta, komedi, drama, seram, aksi dan lain-lain. Apabila membincangkan soal seni pastinya Islam mempunyai sudut pandang yang berbeza dengan falsafah barat yang melihat seni sebagai sesuatu yang bebas dan mutlak. Islam tidak pernah mengharamkan seni, tetapi menitikberatkan agar sesebuah karya itu tidak bertentangan dengan syarak dan nilai budaya setempat. Bagi tujuan tersebut, suatu filem tidak semestinya menjadi filem dakwah yang membawa tema-tema Islamik secara eksplisit, tetapi boleh sahaja digarap dalam pelbagai genre. Justeru, melabel suatu filem sebagai karya islamik akan memberikan makna yang sempit dan membataskan ruang kreativiti para karyawan. Sebagai alternatif suatu filem adalah lebih sesuai dilabel patuh syariah agar karyawan lebih bebas berkarya dalam pelbagai genre filem yang dihasilkan.

### **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan dan dipadankan dengan kriteria filem patuh syariah yang telah dibangunkan. Kriteria tersebut telah dibangunkan berpandukan prinsip syarak, hukum fiqh, fatwa dan garis panduan sedia ada berkaitan penerbitan filem.

### **LATAR BELAKANG FILEM MAT KILAU**

Filem Mat Kilau adalah arahan Syamsul Yusof dan diterbitkan oleh Studio Kembara Sdn. Bhd. Mula ditayangkan di Malaysia pada 23 Jun 2022 (finas.gov.my, 2022). Lakon layar filem bergenre aksi dan drama ini ditulis bersama oleh Shahrudin Dali dan Syamsul Yusof. Ia dibarisi pelakon-pelakon handalan tanahair seperti Adi Putra, Beto Kusyairi, Fattah Amin,

Johan Asari, Rahim Razali, Jalaluddin Hassan, Namron, Farah Ahmad, Wan Hanafi Su dan pelakon aksi Indonesia Yayan Ruhian. Filem ini diinspirasi daripada kisah pahlawan Melayu Mat Kilau yang bangkit melawan penjajah British di negeri Pahang sebelum kemerdekaan Tanah Melayu (Internet Movie Database, 2022).

## KRITERIA FILEM PATUH SYARIAH

Penentuan sesuatu filem sebagai patuh syariah tidak boleh dilakukan dengan hanya melihat kepada jalan cerita sesebuah filem semata-mata. Bahkan setiap aspek penerbitan filem perlu diambil kira bagi memastikan suatu karya itu benar-benar patuh syariah dan boleh ditonton. Apabila diratifikasikan sesebuah filem sebagai patuh syariah ia memberi maksud bahawa filem tersebut telah disahkan kandungannya dan tidak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islam.

Bagi mencapai maksud tersebut maka sudah tentu perlu kepada satu kayu ukur yang spesifik untuk menilai sesebuah karya. Sekumpulan penyelidik tempatan telah membangunkan sebuah rujukan bagi penetapan kriteria filem patuh syariah. Kriteria-kriteria ini telah dibina dengan merujuk kepada beberapa orang pakar bidang yang merangkumi institusi fatwa, badan autoriti kerajaan dan penggiat industri. Terdapat lapan (8) kriteria utama filem patuh syariah yang telah dibina iaitu akidah, akhlak, watak, nyanyian, muzik, latar, pakaian dan perkakasan dan pengimejan. Bagi setiap satu kriteria ada beberapa elemen yang telah ditetapkan sebagai panduan. Perincian kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut (Opir et al., 2017):

KRITERIA	ELEMEN
AKIDAH	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak mengandungi unsur syirik, khurafat dan tahyul.</li> <li>2. Tidak mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam.</li> <li>3. Mesej bukan anti tuhan dan anti agama.</li> <li>4. Tema tiada unsur fahaman Pluralisme (menyamartakan semua agama).</li> <li>5. Tema tiada unsur fahaman Liberalisme (kebebasan dalam agama).</li> <li>6. Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.</li> <li>7. Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.</li> <li>8. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mempercayai ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW.</li> <li>9. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur wahyu masih turun selepas kewafatan Rasulullah SAW.</li> <li>10. Plot penceritaan tidak mengandungi istighasah (seruan terhadap orang mati) yang boleh memberi pertolongan dan berkat.</li> <li>11. Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum karma).</li> <li>12. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mendewa-dewa dan pemujaan selain drp Allah SWT seperti kuasa hantu dan pokok.</li> <li>13. Plot penceritaan tidak megandungi elemen fantasi yang tidak memberi apa-apa manfaat.</li> <li>14. Plot penceritaan tiada mengandungi bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.</li> </ol>
AKHLAK	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tema solusi menunjukkan kekuatan atau kehebatan atau kemenangan unsur-unsur negatif hendaklah dilarang.</li> <li>2. Tidak mengandungi dialog atau ungkapan kasar, kesat, cabul dan lucu.</li> <li>3. Tidak mengandungi dialog atau ungkapan fitnah, adu domba dan hasutan.</li> <li>4. Tidak merendah dan mempersenda kewibawaan serta maruah agama atau ulama atau mufti.</li> <li>5. Tiada paparan scene atau syot atau frame mengerikan dan menakutkan yang melampau.</li> <li>6. Tiada paparan scene atau syot atau frame perlakuan hubungan sejenis.</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>7. Tiada paparan scene merendah-rendahkan martabat wanita, lelaki, OKU atau kanak-kanak.</li> <li>8. Tiada paparan scene yang mengandungi sifat-sifat mazmumah (tercela).</li> <li>9. Tiada paparan scene atau syot atau frame yang boleh mengganggu emosi dan kesihatan.</li> <li>10. Tiada plot yang hanya membesar dan menekankan hiburan semata-mata.</li> </ol>
<b>WATAK</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak mengandungi unsur sensitif yang boleh disalah tafsir dalam agama atau dianggap menghina agama sama ada dialog atau lakonan.</li> <li>2. Tidak boleh melakonkan watak Rasulullah SAW atau nabi atau wakil nabi atau bertaraf nabi.</li> <li>3. Tidak boleh melakonkan watak malaikat, syaitan, Imam Mahdi dan isteri-isteri Nabi Muhammad SAW.</li> <li>4. Tidak boleh melakonkan watak empat (4) sahabat utama dalam kalangan Khu afa" a -Rashidin.</li> <li>5. Tidak melakonkan watak seseorang yang boleh memberi syafaat dan menebus dosa.</li> <li>6. Tiada adegan sama ada <i>shot</i>, <i>frame</i> atau babak bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.</li> <li>7. Orang Islam tidak boleh melakonkan watak bomoh dan dukun yang mempunyai elemen syirik dan khurafat.</li> <li>8. Orang Islam tidak boleh melakonkan watak sami, paderi dan biarawati.</li> <li>9. Orang Islam tidak boleh melakonkan adegan minum arak dan judi.</li> <li>10. Orang bukan Islam tidak dibenarkan melakonkan watak tokoh agamawan Islam seperti ustaz, ulama dan lain-lain lagi.</li> <li>11. Tidak berlaku adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki yang bukan mahram kecuali yang dibenarkan (rukhsah) oleh agama.</li> <li>12. Tidak berlaku adegan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram.</li> <li>13. Tidak melakonkan watak yang menyerupai jantina yang berlainan sama ada lelaki atau wanita.</li> <li>14. Tiada lakonan lawak jenaka yang mempersendakan agama, kematian dan ulama.</li> <li>15. Tiada lakonan lawak jenaka yang boleh membawa maksud negatif seperti fitnah.</li> <li>16. Ungkapan kalimah syahadah mestilah sempurna tanpa pengurangan atau diungkapkan secara terbalik.</li> <li>17. Tiada adegan atau simbol yang boleh diinterpretasikan sesuatu yang negatif terhadap hukum dan nilai agama.</li> <li>18. Lakonan tidak mengandungi unsur yang menimbulkan penghinaan terhadap mana-mana agama, organisasi atau individu.</li> <li>19. Tidak melakonkan adegan ganas yang menyebabkan kecederaan fizikal, kematian dan gangguan emosi.</li> <li>20. Tidak melakonkan adegan jenayah dan kekerasan seperti perbuatan kejam, tembakan, tikaman, tumbukan dan tetakan.</li> <li>21. Tiada adegan yang menggenengahkan cara menunggang atau mengendali kenderaan yang membahayakan diri atau orang lain.</li> <li>22. Tidak melakonkan gerak laku yang mengandungi simbol negatif atau yang boleh membawa maksud lucah dan memberahikan syahwat.</li> <li>23. Tiada adegan yang boleh menimbulkan trauma atau gangguan mental atau adegan bunuh diri.</li> <li>24. Tidak melakonkan adegan cara pengambilan dan penggunaan dadah.</li> <li>25. Tidak melakonkan adegan seks sama ada lelaki dan wanita atau seks sejenis atau seks luar tabie.</li> <li>26. Tidak melakonkan adegan pendedahan tubuh badan bogel.</li> <li>27. Tidak melakonkan aksi meraba-raba tubuh atau adegan bercium dan memberahikan.</li> <li>28. Tidak melakonkan adegan perpelukan antara lelaki dan wanita walaupun pelakon tersebut adalah suami isteri yang sah kecuali telah dimaklumkan terlebih dahulu oleh pihak penerbit kepada khalayak.</li> </ol>

	<p>29. Tiada adegan yang menyindir atau mempersendakan atau memburukkan pemimpin, raja atau kerajaan tertentu.</p> <p>30. Tiada adegan yang mengagung-agungkan sesuatu kaum atau suku bangsa sehingga menyinggung perasaan kaum, bangsa dan agama yang lain.</p> <p>31. Tiada adegan kelakuan kurang ajar kepada ibu bapa, orang tua, kanak-kanak, wanita dan OKU berdasarkan agama atau norma masyarakat.</p> <p>32. Tidak melakonkan adegan penindasan kaum atau masyarakat tertentu.</p> <p>33. Tidak melakonkan adegan penyiksaan manusia atau haiwan.</p>
<b>PAKAIAN CARA UMUM</b>	<p>1. Wajib menutup aurat berdasarkan kepatuhan syarak.</p> <p>2. Non Muslim tertakluk kepada adab dan tatacara pemakaian sopan mengikut kepercayaan dan budaya dan adat resam masing-masing.</p> <p>3. Tidak memakai pakaian rasmi agama lain seperti sami, paderi dan biarawati.</p> <p>4. Tidak boleh memakai pakaian yang menyerupai gender yang berbeza (lelaki memakai pakaian wanita atau wanita memakai pakaian lelaki).</p> <p>5. Tiada corak atau aksoseri atau fesyen pakaian yang berlebihan sehingga menarik perhatian orang lain dan menimbulkan fitnah.</p> <p>6. Tiada solekan yang melampau dan yang boleh ditafsirkan sebagai mempersendakan hukum agama atau budaya seperti bersolek atau berpakaian sikh, baju melayu dan lain-lain.</p>
<b>PAKAIAN LELAKI</b>	<p>1. Tidak boleh memakai pakaian yang diperbuat daripada kain sutera.</p> <p>2. Tidak memakai material yang diperbuat daripada emas seperti cincin.</p> <p>3. Tidak memakai kalung, rantai, rambut palsu atau sambung rambut.</p> <p>4. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dai kecuali menggunakan warna inai dan rambut tidak menyerupai golongan atau kumpulan yang negatif dan bercanggah dengan agama.</p>
<b>PAKAIAN WANITA</b>	<p>1. Memakai tudung yang sempurna hingga ke paras dada.</p> <p>2. Tidak memakai pakaian yang nipis hingga menampakkan warna kulit, coli dan jelas bentuk payu dara.</p> <p>3. Tidak memakai pakaian yang ketat hingga menampakkan bentuk tubuh.</p> <p>4. Tidak memakai wangi-wangian yang berlebihan sehingga menarik perhatian lelaki.</p> <p>5. Tidak memakai baju mandi atau bikini.</p> <p>6. Tidak mencukur alis mata.</p>
<b>NYANYIAN</b>	<p>1. Lirik lagu tidak mengandungi unsur syirik seperti pemujaan kepada manusia atau alam.</p> <p>2. Lirik tidak mengandungi kata-kata (senikata) atau simbol-simbol atau makna yang boleh membawa kepada penyelewengan atau menyalahi akidah dan syarak.</p> <p>3. Lirik lagu tidak mengandungi unsur maksiat, lucah dan syahwat.</p> <p>4. Lirik lagu tidak mengandungi kalimah syahadah yang tidak sempurna dan mestilah menyebutnya mengikut kaedah yang betul.</p> <p>5. Lirik lagu tidak mengandungi unsur penghinaan, fitnah dan merendahkan individu, organisasi, agama dan budaya tertentu.</p> <p>6. Lirik lagu daripada terjemahan al-Quran dan hadis dibenarkan.</p> <p>7. Lirik lagu ayat al-Quran tidak dibenarkan kecuali dengan kaedah iqtibas dan dibaca mengikut hukum tajwid.</p> <p>8. Lirik lagu daripada matan hadis tidak dibenarkan kerana dibimbangi berlaku kesalahan sebutan yang boleh membawa kepada perubahan pada makna.</p> <p>9. Tidak menggunakan teks al-Quran atau hadis dan dimanipulasikan dalam apa-apa tujuan.</p> <p>10. Tidak mengandungi ungkapan mengutuk nasib dan mempersoalkan takdir (ketentuan) Allah SWT.</p> <p>11. Tidak dibenarkan nasyid berbentuk doa daripada ajaran sesat dan menyeleweng.</p> <p>12. Tidak boleh azan yang tidak sempurna.</p>
<b>MUZIK</b>	<p>1. Tidak boleh digunakan untuk mengiringi bacaan al-Quran dan azan.</p> <p>2. Dilarang menggunakan alunan muzik yang keras dan hiruk pukuk serta merangsang kepada sifat agresif.</p> <p>3. Tidak alunan muzik yang boleh membawa kepada kealpaan dan lupa diri.</p>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Tidak melambangkan pemujaan atau dianggap skral (berkaitan dengan atau untuk upacara suci) oleh menganut lain.</li> <li>5. Tidak membangkitkan emosi negatif.</li> <li>6. Bukan suara erotik (membangkitkan nafsu syahwat, menggairahkan, memberahikan).</li> </ol>
<b>PERKAKASAN @ PENGIMEJAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua bentuk imej berbentuk patung sama ada lengkap atau tidak atau sama ada berbentuk manusia atau haiwan adalah dilarang.</li> <li>2. Patung-patung binatang dengan tidak ada maksud untuk disucikan atau diagung-agungkan juga haram kecuali patung mainan kanak-kanak dan yang dibuat dari bahan makanan seperti manisan dan sebagainya.</li> <li>3. Gambar yang disembah, disucikan atau yang bertujuan untuk diagung-agungkan adalah haram seperti golongan anti-Tuhan, orang zalim atau pemimpin.</li> <li>4. Gambar fauna seperti pokok, lautan, gunung ganang, bukit bukau, sungai dan langit dibenarkan.</li> <li>5. Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa kepada unsur negatif dan lucu.</li> <li>6. Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa kepada unsur yang menyalahi syarak.</li> <li>7. Tiada sudut paparan imej atau gambar yang diambil yang menyalahi hukum dan norma seperti sudut gambar dari cerah kelangkang dan lain-lain lagi.</li> <li>8. Fotografi tidak mengandungi objek yang diharamkan.</li> <li>9. Tiada ilustrasi para nabi dan Rasul.</li> <li>10. Tiada ilustrasi empat (4) sahabat utama (Abu Bakar al- Siddiq, Umar al-Khtattab, Uthman Affan dan Ali RA).</li> <li>11. Tiada ilustrasi para malaikat.</li> <li>12. Tiada ilustrasi syaitan atau simbol yang bertentangan dengan agama.</li> <li>13. Tiada ilustrasi mukjizat para Rasul.</li> <li>14. Tiada peralatan yang diperbuat daripada emas dan perak yang asli sama ada digunakan untuk makan dan minum, penulisan, perhubungan dan perabot.</li> <li>15. Tidak dibenarkan peralatan muzik yang dilarang oleh syarak.</li> </ol>

### **PADANAN KRITERIA FILEM PATUH SYARIAH BAGI FILEM MAT KILAU**

<b>KRITERIA</b>	<b>ELEMEN</b>	<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
<b>AKIDAH</b>	1. Tidak mengandungi unsur syirik, khurafat dan tahyul.		√
	2. Tidak mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam.		√
	3. Mesej bukan anti tuhan dan anti agama.		√
	4. Tema tiada unsur fahaman Pluralisme (menyamarkan semua agama).		√
	5. Tema tiada unsur fahaman Liberalisme (kebebasan dalam agama).		√
	6. Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.		√
	7. Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.		√
	8. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mempercayai ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW.		√
	9. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur wahyu masih turun selepas kewafatan Rasulullah SAW.		√

	10. Plot penceritaan tidak mengandungi istighasah (seruan terhadap orang mati) yang boleh memberi pertolongan dan berkat.		√
	11. Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum karma).		√
	12. Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mendewa-dewa dan pemujaan selain drp Allah SWT seperti kuasa hantu dan pokok.		√
	13. Plot penceritaan tidak megandungi elemen fantasi yang tidak memberi apa-apa manfaat.		√
	14. Plot penceritaan tiada mengandungi bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.		√
<b>AKHLAK</b>	1. Tema solusi menunjukkan kekuatan atau kehebatan atau kemenangan unsur-unsur negatif hendaklah dilarang.		√
	2. Tidak mengandungi dialog atau ungkapan kasar, kesat, cabul dan lucu.		√
	3. Tidak mengandungi dialog atau ungkapan fitnah, adu domba dan hasutan.		√
	4. Tidak merendah dan mempersenda kewibawaan serta maruah agama atau ulama atau mufti.		√
	5. Tiada paparan scene atau syot atau frame mengerikan dan menakutkan yang melampau.		√
	6. Tiada paparan scene atau syot atau frame perlakuan hubungan sejenis.		√
	7. Tiada paparan scene merendahkan- rendahkan martabat wanita, lelaki, OKU atau kanak-kanak.		√
	8. Tiada paparan scene yang mengandungi sifat-sifat mazmumah (tercela).		√
	9. Tiada paparan scene atau syot atau frame yang boleh mengganggu emosi dan kesihatan.		√
	10. Tiada plot yang hanya membesar dan menekankan hiburan semata-mata.		√
<b>WATAK</b>	1. Tidak mengandungi unsur sensitif yang boleh disalah tafsir dalam agama atau dianggap menghina agama sama ada dialog atau lakonan.		√
	2. Tidak boleh melakonkan watak Rasulullah SAW atau nabi atau wakil nabi atau bertaraf nabi.		√
	3. Tidak boleh melakonkan watak malaikat, syaitan, Imam Mahdi dan isteri-isteri Nabi Muhammad SAW.		√
	4. Tidak boleh melakonkan watak empat (4) sahabat utama dalam kalangan Khu afa` a -Rashidin.		√
	5. Tidak melakonkan watak seseorang yang boleh memberi syafaat dan menebus dosa.		√

	6. Tiada adegan sama ada <i>shot, frame</i> atau babak bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.		√
	7. Orang Islam tidak boleh melakukan watak bomoh dan dukun yang mempunyai elemen syirik dan khurafat.		√
	8. Orang Islam tidak boleh melakukan watak sami, paderi dan biarawati.		√
	9. Orang Islam tidak boleh melakukan adegan minum arak dan judi.		√
	10. Orang bukan Islam tidak dibenarkan melakukan watak tokoh agamawan Islam seperti ustaz, ulama dan lain-lain lagi.		√
	11. Tidak berlaku adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki yang bukan mahram kecuali yang dibenarkan (rukhsah) oleh agama.	√	
	12. Tidak berlaku adegan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram.		√
	13. Tidak melakukan watak yang menyerupai jantina yang berlainan sama ada lelaki atau wanita.		√
	14. Tiada lakonan lawak jenaka yang mempersendakan agama, kematian dan ulama.		√
	15. Tiada lakonan lawak jenaka yang boleh membawa maksud negatif seperti fitnah.		√
	16. Ungkapan kalimah syahadah mestilah sempurna tanpa pengurangan atau diungkapkan secara terbalik.		√
	17. Tiada adegan atau simbol yang boleh diinterpretasikan sesuatu yang negatif terhadap hukum dan nilai agama.		√
	18. Lakonan tidak mengandungi unsur yang menimbulkan penghinaan terhadap mana-mana agama, organisasi atau individu.		√
	19. Tidak melakukan adegan ganas yang menyebabkan kecederaan fizikal, kematian dan gangguan emosi.	√	
	20. Tidak melakukan adegan jenayah dan kekerasan seperti perbuatan kejam, tembakan, tikaman, tumbukan dan tetakan.	√	
	21. Tiada adegan yang mengengahkan cara menunggang atau mengendalikan kenderaan yang membahayakan diri atau orang lain.		√
	22. Tidak melakukan gerak laku yang mengandungi simbol negatif atau yang boleh membawa maksud lucah dan memberahikan syahwat.		√
	23. Tiada adegan yang boleh menimbulkan trauma atau gangguan mental atau adegan bunuh diri.		√

	24. Tidak melakonkan adegan cara pengambilan dan penggunaan dadah.		√
	25. Tidak melakonkan adegan seks sama ada lelaki dan wanita atau seks sejenis atau seks luar tabie.		√
	26. Tidak melakonkan adegan pendedahan tubuh badan bogel.		√
	27. Tidak melakonkan aksi meraba-raba tubuh atau adegan bercium dan memberahikan.		√
	28. Tidak melakonkan adegan perpelukan antara lelaki dan wanita walaupun pelakon tersebut adalah suami isteri yang sah kecuali telah dimaklumkan terlebih dahulu oleh pihak penerbit kepada khalayak.		√
	29. Tiada adegan yang menyindir atau mempersendakan atau memburukkan pemimpin, raja atau kerajaan tertentu.		√
	30. Tiada adegan yang mengagung-agungkan sesuatu kaum atau suku bangsa sehingga menyinggung perasaan kaum, bangsa dan agama yang lain.		√
	31. Tiada adegan kelakuan kurang ajar kepada ibu bapa, orang tua, kanak-kanak, wanita dan OKU berdasarkan agama atau norma masyarakat.	√	
	32. Tidak melakonkan adegan penindasan kaum atau masyarakat tertentu.	√	
	33. Tidak melakonkan adegan penyeksaan manusia atau haiwan.	√	
<b>PAKAIAN SECARA UMUM</b>	1. Wajib menutup aurat berdasarkan kepatuhan syarak.	√	
	2. Non Muslim tertakluk kepada adab dan tatacara pemakaian sopan mengikut kepercayaan dan budaya dan adat resam masing-masing.	√	
	3. Tidak memakai pakaian rasmi agama lain seperti sami, paderi dan biarawati.		√
	4. Tidak boleh memakai pakaian yang menyerupai gender yang berbeza (lelaki memakai pakaian wanita atau wanita memakai pakaian lelaki).		√
	5. Tiada corak atau aksoseri atau fesyen pakaian yang berlebihan sehingga menarik perhatian orang lain dan menimbulkan fitnah.		√
	6. Tiada solekan yang melampau dan yang boleh ditafsirkan sebagai mempersendakan hukum agama atau budaya seperti bersolek atau berpakaian sikh, baju melayu dan lain-lain.		√
<b>PAKAIAN LELAKI</b>	1. Tidak boleh memakai pakaian yang diperbuat daripada kain sutera.		√
	2. Tidak memakai material yang diperbuat daripada emas seperti cincin.		√
	3. Tidak memakai kalung, rantai, rambut palsu atau sambung rambut.		√



	4. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dai kecuali menggunakan warna inai dan rambut tidak menyerupai golongan atau kumpulan yang negatif dan bercanggah dengan agama.		√
<b>PAKAIAN WANITA</b>	1. Memakai tudung yang sempurna hingga ke paras dada.		√
	2. Tidak memakai pakaian yang nipis hingga menampakkan warna kulit, coli dan jelas bentuk payu dara.		√
	3. Tidak memakai pakaian yang ketat hingga menampakkan bentuk tubuh.		√
	4. Tidak memakai wangi-wangian yang berlebihan sehingga menarik perhatian lelaki.		√
	5. Tidak memakai baju mandi atau bikini.		√
	6. Tidak mencukur alis mata.		√
<b>NYANYIAN</b>	1. Lirik lagu tidak mengandungi unsur syirik seperti pemujaan kepada manusia atau alam.		√
	2. Lirik tidak mengandungi kata-kata (senikata) atau simbol-simbol atau makna yang boleh membawa kepada penyelewengan atau menyalahi akidah dan syarak.		√
	3. Lirik lagu tidak mengandungi unsur maksiat, lucah dan syahwat.		√
	4. Lirik lagu tidak mengandungi kalimah syahadah yang tidak sempurna dan mestilah menyebutnya mengikut kaedah yang betul.		√
	5. Lirik lagu tidak mengandungi unsur penghinaan, fitnah dan merendahkan individu, organisasi, agama dan budaya tertentu.		√
	1. Lirik lagu daripada terjemahan al-Quran dan hadis dibenarkan.		√
	2. Lirik lagu ayat al-Quran tidak dibenarkan kecuali dengan kaedah iqtibas dan dibaca mengikut hukum tajwid.		√
	3. Lirik lagu daripada matan hadis tidak dibenarkan kerana dibimbangi berlaku kesalahan sebutan yang boleh membawa kepada perubahan pada makna.		√
	4. Tidak menggunakan teks al-Quran atau hadis dan dimanipulasikan dalam apa-apa tujuan.		√
	5. Tidak mengandungi ungkapan mengutuk nasib dan mempersoalkan takdir (ketentuan) Allah SWT.		√
	6. Tidak dibenarkan nasyid berbentuk doa daripada ajaran sesat dan menyeleweng.		√
	7. Tidak boleh azan yang tidak sempurna.		√
	8. Tidak boleh digunakan untuk mengiringi bacaan al-Quran dan azan.		√
9. Dilarang menggunakan alunan muzik yang keras dan hiruk pukuk serta merangsang kepada sifat agresif.		√	

	10. Tidak alunan muzik yang boleh membawa kepada kealpaan dan lupa diri.		√
	11. Tidak melambangkan pemujaan atau dianggap skral (berkaitan dengan atau untuk upacara suci) oleh menganut lain.		√
	12. Tidak membangkitkan emosi negatif.		√
<b>MUZIK</b>	1. Tidak boleh digunakan untuk mengiringi bacaan al-Quran dan azan.		√
	2. Dilarang menggunakan alunan muzik yang keras dan hiruk pukuk serta merangsang kepada sifat agresif.		√
	3. Tidak alunan muzik yang boleh membawa kepada kealpaan dan lupa diri.		√
	4. Tidak melambangkan pemujaan atau dianggap skral (berkaitan dengan atau untuk upacara suci) oleh menganut lain.		√
	5. Tidak membangkitkan emosi negatif.		√
	6. Bukan suara erotik (membangkitkan nafsu syahwat, mengghairahkan, memberahikan).		√
<b>PERKAKASAN @ PENGIMEJAN</b>	1. Semua bentuk imej berbentuk patung sama ada lengkap atau tidak atau sama ada berbentuk manusia atau haiwan adalah dilarang.		√
	2. Patung-patung binatang dengan tidak ada maksud untuk disucikan atau diagung-agungkan juga haram kecuali patung mainan kanak-kanak dan yang dibuat dari bahan makanan seperti manisan dan sebagainya.		√
	3. Gambar yang disembah, disucikan atau yang bertujuan untuk diagung-agungkan adalah haram seperti golongan anti-Tuhan, orang zalim atau pemimpin.		√
	4. Gambar fauna seperti pokok, lautan, gunung ganang, bukit bukau, sungai dan langit dibenarkan.		√
	5. Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa kepada unsur negatif dan lucah.		√
	6. Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa kepada unsur yang menyalahi syarak.		√
	7. Tiada sudut paparan imej atau gambar yang diambil yang menyalahi hukum dan norma seperti sudut gambar dari cerah kelangkang dan lain-lain lagi.		√
	8. Fotografi tidak mengandungi objek yang diharamkan.		√
	9. Tiada ilustrasi para nabi dan Rasul.		√
	10. Tiada ilustrasi empat (4) sahabat utama (Abu Bakar al- Siddiq, Umar al- Khtattab, Uthman Affan dan Ali RA).		√
	11. Tiada ilustrasi para malaikat.		√
	12. Tiada ilustrasi syaitan atau simbol yang bertentangan dengan agama.		√
	13. Tiada ilustrasi mukjizat para Rasul.		√

	14. Tiada peralatan yang diperbuat daripada emas dan perak yang asli sama ada digunakan untuk makan dan minum, penulisan, perhubungan dan perabot.		√
	15. Tidak dibenarkan peralatan muzik yang dilarang oleh syarak.		√

## ANALISIS PEMADANAN KRITERIA

Secara umumnya filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* memenuhi kebanyakan kriteria filem patuh syariah yang telah digariskan. Daripada tujuh kriteria induk dan 106 sub kriteria, filem ini hanya menyalahi tujuh sub kriteria yang telah digariskan. Ketujuh-tujuh kriteria ini mewakili dua kriteria induk iaitu akhlak dan watak.

Dari sudut kriteria akhlak, filem ini telah menyalahi satu sub kriteria melalui paparan babak mengerikan atau menakutkan yang melampau. Babak ini dipaparkan pada minit ke 60 hingga ke minit 61. Walaupun babak menikam perut dengan sundang tidak dipaparkan sepenuhnya dan hanya ditunjukkan sebahagian, tetapi aksi memijak perut wanita hamil masih boleh menimbulkan perasaan ngeri dan takut pada sebahagian penonton terutamanya kanak-kanak.

Manakala dari aspek kriteria watak, filem ini telah menyalahi enam sub kriteria filem patuh syariah. Dalam filem ini telah berlaku pelanggaran sub kriteria iaitu adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki yang bukan mahram kecuali yang dibenarkan (rukhsah) oleh agama. Adegan ini dapat ditonton pada minit 61 ketika watak lelaki menyentuh perut wanita hamil yang berlumuran darah.

Pelanggaran sub kriteria lain dari aspek watak adalah lakonan adegan ganas yang menyebabkan kecederaan fizikal, kematian dan gangguan emosi. Filem ini banyak memaparkan adegan-adegan kecederaan fizikal dan kematian dari minit pertama hingga minit terakhir filem. Banyak adegan perlawanan dan pertempuran yang melibatkan tentera British dan pahlawan Melayu yang dipaparkan sepanjang filem. Ini terusnya membawa kepada pelanggaran sub kriteria lain yang berkaitan.

Filem ini turut mengandungi adegan jenayah dan kekerasan seperti perbuatan kejam, tembakan, tikaman, tumbukan dan tetakan. Secara umumnya hampir keseluruhan filem ini mengandungi adegan-adegan ganas dan kejam yang silih berganti.

Bagi sub kriteria tiada adegan kelakuan kurang ajar kepada ibu bapa, orang tua, kanak-kanak, wanita dan OKU berdasarkan agama atau norma masyarakat. Babak wanita hamil disepak dan ditikam pada minit ke 60 jelas melanggar sub kriteria yang telah ditetapkan.

Sub kriteria seterusnya bagi tidak melakonkan adegan penindasan kaum atau masyarakat tertentu, maka filem ini jelas memaparkan babak-babak penindasan terhadap masyarakat Melayu oleh pihak British secara berterusan. Bahkan ini adalah tema besar yang melatari filem tersebut hingga mencetuskan kebangkitan masyarakat Melayu.

Manakala sub kriteria terakhir iaitu tidak melakonkan adegan penyeksaan manusia atau haiwan, maka filem ini turut memaparkan babak tawanan Melayu yang diseksa oleh tentera British. Babak ini boleh ditonton pada minit ke 13 dan 68.

Secara keseluruhannya filem ini tidak sepenuhnya mencapai status filem patuh syariah dengan memenuhi semua aspek kriteria yang telah ditetapkan. Apatah bagi filem aksi drama seperti Mat Kilau, ianya kelihatan agak sukar kerana tema perjuangan melawan British yang melatari filem ini. Jika diteliti dari sudut angka daripada 106 sub kriteria yang ditetapkan hanya tujuh sub kriteria sahaja yang tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan. Ianya hanya pelanggaran sekitar tujuh peratus sahaja. Adalah keterlaluan jika dengan pelanggaran kepada tujuh peratus sahaja menjadikan filem tersebut tidak patuh syariah. Justeru perlu ada penetapan had toleransi dalam menentukan sesebuah karya filem itu masih boleh diterima dengan pelanggaran minimum kepada beberapa karya. Pengkaji berpandangan babak sentuhan antara lelaki dan wanita hamil dalam filem ini sungguhpun bertujuan untuk mengheret emosi penonton, tetapi masih boleh dipaparkan tanpa babak sentuhan.

Dalam masa yang sama pada hemat pengkaji perlu juga kriteria-kriteria filem patuh syariah ini diklasifikasikan semula kepada kriteria primer dan sekunder. Kriteria primer dengan maksud wajib dipatuhi oleh setiap karyawan manakala kriteria sekunder tidak wajib dipatuhi dan dibenarkan dengan keperluan tuntutan skrip. Inilah yang berlaku kepada filem Mat Kilau, kerana tuntutan skrip yang menyebabkan beberapa aksi ganas dan kejam terpaksa dipaparkan. Filem ada seni visual yang berbeza dengan novel dan cerpen. Jika novel dan cerpen memadai untuk dipaparkan emosi dan perasaan melalui pemilihan kata dan kalimah, tetapi filem memerlukan ekspresi emosi dan perasaan melalui gerak tubuh, memek muka dan visual. Justeru itu, amat penting ruang keanjalan dan kreativiti turut diambil kira agar garis panduan kriteria filem patuh syariah ini tidak dilihat terlalu ketat dan mengikat para karyawan.

## KESIMPULAN

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan adalah sebuah filem aksi drama yang diinspirasikan dari kisah sejarah perjuangan pahlawan Melayu Mat Kilau pada sekitar abad ke 19. Belum ada mana-mana filem genre sejarah yang berjaya mencatat kutipan pecah panggung di Malaysia sebagaimana yang dilakukan oleh filem Mat Kilau. Kriteria filem patuh syariah ini perlu diangkat dan dipromosikan kepada para karyawan agar para penggiat seni dapat menjadikan ia sebagai panduan ketika berkarya. Manakala usaha penerbitan filem-filem dengan diberikan label patuh syariah perlu dipromosikan bagi tujuan untuk memberikan alternatif kepada para penonton. Islam tidak pernah menghalang cabang seni untuk berkembang, tetapi memandu para karyawan menghasilkan karya-karya berkualiti tanpa mengenenpikan prinsip syarak.

## RUJUKAN

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan <https://www.bilibili.tv/ms/video/2042265448>

Internet Movie Database <https://www.imdb.com>

Opir, H., Yusof, M., Abdullah, L., Hj Siren, N., Md Yusoff, Y. and Abdullah, W.Y. 2019. Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah di Malaysia: A Development of Syariah Film Criteria in Malaysia. 'Abqari Journal. 12, 1 (Mar. 2019), 71-91. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol12no1.90>.

Perbadanan Perfileman Malaysia <https://www.finas.gov.my>